

# Polis buka tiga kertas siasatan kes hina Nabi

→ 478 laporan diterima terhadap 3 pemilik akaun FB siar kenyataan jelik

Oleh Faris Fuad  
faris.fuad@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**P**olis sudah membuka tiga kertas siasatan berhubung kes penghinaan ke atas agama Islam, Nabi Muhammad SAW dan isteri baginda, Saidatina Aisyah.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun, berkata kertas siasatan itu membabitkan tiga pemilik akaun Facebook, iaitu Foo Sing Wai, 68; Sarkar Tanesan, 21; dan Sally Yen.

Beliau berkata, setakat jam 9 pagi semalam, sebanyak 478 laporan polis diterima terhadap Sing

Wai, Sarkar (11) dan Sally (dua).

"Sing Wai ditangkap pada 19 Februari lalu dan direman tiga hari berakhir kelmarin (Jumaat lalu).

"Disebabkan faktor umur dan komplikasi kesihatan, suspek dibebaskan pada 22 Februari lalu dengan jaminan polis.

## Rujuk Timbalan Pendakwa Raya

"Kertas siasatan akan dirujuk ke- pada pihak Timbalan Pendakwa Raya untuk arahan lanjut," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mengulas lanjut, Mohamad Fuzi berkata, Sarkar pula ditahan pada 21 Februari lalu dan reman terhadapnya dilanjutkan hingga hari

ini untuk membantu siasatan.

"Berhubung kes Sally, pemilik akaun Facebook itu memuat naik status pada 2013 dan sejak itu, kita sudah menerima 16 laporan.

"Kes diklasifikasikan sebagai tiada tindakan lanjut oleh Pendakwa Raya kerana pemilik akaun tidak dapat dikenal pasti selepas dirujuk kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk pengesahan.

"Siasatan sedang dijalankan untuk mengenal pasti pemilik akaun

itu dan pihak yang menularkan 'posting' terbabit," katanya.

Beliau berkata, kes itu disiasat mengikut Kanun Keseksan serta Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

"Orang ramai dinasihatkan tidak membuat, menyebarkan atau berkongsi sebarang kenyataan jelik yang boleh mengugat ketenteraman awam dan menjejaskan paduan masyarakat berbilang agama serta kaum di negara ini," katanya.

Keratan akhbar BH  
Khamis lalu.

Sangat hina Nabi Muhammad dituntut diharamkan